



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **7 Apr 2021 (Rabu)**

#### **Berita Harian**

Aplikasi i-GRED nilai kebersihan premis makanan	1
Gangguan bekalan air pulih Jumaat	2

#### **Utusan Malaysia**

Bimbang wanita 'berwajah jantan'	3
----------------------------------	---

#### **Harian Metro**

Yakin dapat kerjasama pentadbiran negeri	4
Sajat diminta bincang dengan pihak berkuasa	5
Tunggu SOP MKN	6

#### **Kosmo**

206,570 jalan berlubang tahun lalu	7
Daftar i-GRED untuk promosi percuma	8

#### **Sinar Harian**

MOT sedia kerjasama dengan kerajaan negeri	9
Mahasiswa cakna komuniti	10
Aplikasi i-GRED badntu peniaga pantau kebersihan	11
Kerja ganti injap paip sudah dimulakan	12
Tak jejas sokongan The Red Giants	13

#### **Selangor TV**

350 Murid Tingkatan Satu Terima Tawaran RKP Yayasan Selangor	14
DUN Kampung Tunku Agih Baucar Jom Shopping	15
ImuniSel: Strategi Selangor Daftar Warga Tanpa Akses	16
Tiada Akses Daftar Vaksin, ImuniSel Bantu	17
MPK minta orang awam tingkat disiplin patuhi SOP	18
MPKj: Kawal nutrisi tingkat prestasi atlet sukan	19
Padah gagal pameran tanda harga, KPDNHEP kompaun tiga peniaga	20
Si Balak tarikan daftar vaksin	21

#### **The Star**

Taman Sri Muda market traders compounded for various offences	22
---	----

#### **New Straits Times**

MINISTRY TO RESOLVE ECRL ROUTE ISSUES	23
---------------------------------------	----

#### **The Sun**

Changes in the pipeline to woo investors	24
Matrade inks MoC with Japan External Trade Organisation	25

#### **The Malaysian Reserve**

MoT confident Selangor to cooperate on ECRL 3.0	26
---	----

#### **China Press**

Advance notice, cooperate with each other	27
Gobind Singh sent a letter to the DAP national disciplinary committee to inform the handling of the Bryan Lai incident	28



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Reducing stalls, keeping distance, a different Ramadan bazaar during pandemic	29
MBSA launches I-Gred, allowing 3 parties to evaluate restaurant hygiene	30
Restore the original route to play the value, ECRL 3.0 must pass through the capital	31
The daily loss is RM1.2 million for any further delay, Wee Ka Siong wants the cooperation of the Selangor government	32
Vulture hovering	33
Selangor Sultan mourned the death of former FAS secretary	34
Wong Siew Ki: Claiming to handle complaints about people's livelihood, the market APP has not been authorized by Selangor government	35
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
The central government raised RM8.9 million for land acquisition,	36
Demolition of the Tamkang Peak Tower for 28 years	
RM87.6 million was allocated,	37
Daerah Bagan Datuk built a stone embankment along the river	
Mah Hang Soon: maintenance infrastructure,	38
163 Chinese Primary School Received Funding	
Wee Ka Siong: Lose RM1.2 million per day,	39
East Rail can't drag anymore	
<b>Oriental Daily</b>	
Wee Ka Siong is confident that the ECRL plan will be cooperated by the states	40
<b>Guang Ming Daily</b>	
City council raids Pasar Baru Taman Putra; 5 hawkers fined for violating rules	41
Rubbish house in balakong cleaned; Joy returns for family of three	42
Teng Chang Khim: Federal bullies state government; Selangor no collavelt ECRL.	43
Teng Chang Khim is ashamed of Tun Mahathir, after saying that DAP is only there for racial conflicts	44
<b>Makkal Osai</b>	
Selangor Sultan conveys condolences to Dato' Antonysamy Savarimuthu	45



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 7 April 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Aplikasi i-GRED nilai kebersihan premis makanan
Muka Surat	:	14

### Aplikasi i-GRED nilai kebersihan premis makanan

**Shah Alam:** Semua pelanggan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) boleh menilai sendiri tahap kebersihan dan keselamatan premis makanan dikunjungi melalui aplikasi Sistem Pemeriksaan Kebersihan Kenduri Premis Makanan Berlesen (i-GRED) yang bermula semalam.

Pemangku Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan, berkata selain pelanggan, pemeriksaan dan penilaian tahap kebersihan premis makanan itu turut dilakukan pengusaha premis dan juga pegawai pemeriksa MBSA.

Beliau berkata, aplikasi i-GRED adalah sistem pemeriksaan kebersihan sendiri premis makanan, iaitu pemilik atau pengusaha perlu membuat pemeriksaan dan penilaian tahap kebersihan serta keselamatan premis masing-masing.

"Pengusaha premis makanan ini juga perlu mendapatkan maklum balas daripada pengunjung melalui aplikasi i-GRED sebagai satu kaedah pemantauan kebersihan premis makanan.

"Bilangan minima adalah 30 maklum balas daripada pelanggan bagi sesebuah premis dalam tempoh sebulan. Kemudian, pengusaha perlu menyediakan dan menghantar laporan penilaian tahap kebersihan setiap bulan kepada MBSA dengan menggunakan aplikasi ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran sistem berkenaan di Auditorium MBSA di sini, semalam.

MBSA menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negara ini yang melaksanakan sistem itu.

Sementara itu, Mohd Rashidi berkata sebagai permulaan PBT berkenaan menyasar 200 premis menggunakan aplikasi terbabit secara konsisten sehingga hujung tahun ini.

"Secara keseluruhannya, terdapat kira-kira 2,000 premis makanan di bawah pentadbiran MBSA dan setakat ini sejumlah 30 premis komited menyertai i-GRED.

"Pelancaran aplikasi ini adalah komitmen berterusan MBSA bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam aspek kebersihan premis makanan, selain menggalakkan pengusaha peka terhadap isu kebersihan.

"Selain itu, kita turut mempromosikan premis makanan yang bersih di aplikasi berkenaan, selain di laman Facebook rasmi MBSA bagi memudahkan orang ramai mendapatkan premis makanan untuk dikunjungi sekitar Shah Alam," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>7 April 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air pulih Jumaat
Muka Surat	:	21

# Gangguan bekalan air pulih Jumaat

## 58 kawasan terjejas susulan kerja ganti injap jajaran paip di Empangan Klang Gates

Oleh Norzamira Che Noh  
 bhnews@bh.com.com.my

**Shah Alam:** Gangguan bekalan air susulan pelaksanaan kerja penggantian injap pada jajaran paip air mentah di Empangan Klang Gates, dijangka pulih sepenuhnya pada jam 5 pagi Jumaat ini.

Kerja penggantian injap itu

yang menyebabkan henti tugas sementara Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Nanas dan Wangsa Maju, dimulakan jam 9 pagi semalam seperti dijadualkan dan dijangka siap jam 9 malam tadi.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata selepas kerja berjadual itu siap, loji serta sistem agihan akan distabilkan sebelum bekalan air mula disalurkan semula kepada pengguna.

"Tempoh gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan yang terjejas adalah secara berperingkat serta berbeza, bergantung pada jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem agihan bekalan air," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kerja penggantian injap itu menyebabkan

**Tempoh gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan yang terjejas adalah secara berperingkat serta berbeza, bergantung pada jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air**

Elina Baseri,  
 Ketua Komunikasi Korporat  
 Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd  
 (Air Selangor)



gangguan bekalan air berjadual di 12 kawasan di wilayah Gombak serta 46 kawasan di Kuala Lumpur.

Justeru, katanya, Air Selangor menggerakkan 29 lori tangki air ke kawasan terjejas, dengan ketutamaan diberi kepada premis kritikal seperti hospital dan pusat dialisis serta upacara pengebumian.

Beliau berkata, Air Selangor turut menyediakan kemudahan pembelian air kepada pihak industri atau pelanggan komersial dengan membuat pembayaran di kaunter Khidmat Pelanggan Air Selangor.

"Pelanggan perlu menyediakan kenderaan atau lori tangki yang disewa sendiri.

"Pengambilan air boleh dilakukan di dua stesen di Jalan TPP 5/17, Taman Perindustrian Puchong 5/17, dan Stor Air Se-

langor Hulu Langat, Seksyen 13, Jalan P/4 Bandar Baru Bangi.

"Pusat Khidmat Setempat (PKS) turut dibuka di Sebelah Padang Bola, Hospital Kuala Lumpur dan kawasan parkir kenderaan My Capital, Jalan Jejawi, Bangsar, bagi kemudahan pengguna membuat aduan serta berhubung terus dengan pegawai khidmat pelanggan kami," katanya.

Untuk maklumat semasa mengenai gangguan bekalan air berjadual, layari laman sesawang Air Selangor di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).

Pengguna juga boleh merujuk semua saluran komunikasi rasmi seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter, atau hubungi Pusat Perhubungan Air Selangor melalui talian 15300.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>7 April 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bimbang wanita 'berwajah jantan'
Muka Surat	:	15

# Bimbang wanita 'berwajah jantan'

Oleh  
**Nizam Yatim**

**IKHTISAR**

**B**ARU-BARU ini, kecoh isu Muhammad Sajjad Kamaruzzaman, 36, atau lebih dikenali sebagai Sajjat lari menyembunyikan diri.

Ini ekoran tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan polis memburunya setelah waran tangkap dikeluarkan ekoran kegagalan usahawan kosmetik itu hadir ke Mahkamah Syariah bagi menghadapi pertuduhan berpakaian seperti wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Sebenarnya, isu lelaki mempunyai jiwa cenderung ke arah kewanitaannya sehingga ke peringkat ekstrem sanggup melakukan pembedahan menukar jantina ialah isu lama yang sehingga kini masih berlaku.

Fenomena itu gagal dibasmikan kerana tanggungjawab menyelesaikan gejala tersebut diserahkan kepada para ustaz semata-mata manakala pihak lain seolah-olah bersikap lepas tangan.

Berjayakah para ustaz memberi nasihat kepada golongan itu yang seolah-olah sudah kebal apabila diceramah dengan ayat-ayat al-Quran dan hadis? Cukup sedih apabila ada dalam kalangan mereka yang sanggup mengugut untuk keluar Islam kerana 'panas' dan tidak tahan diganggu. Golongan itu lebih cenderung berpegal kepada hujah logik akal.

Para ustaz memerlukan bantuan ahli sains untuk mencari puncanya bagi membolehkan kaedah lebih berkesan digunakan untuk menyelesaikan masalah itu. Difahamkan, penyelidikan di Barat mengaitkan gejala itu dengan permasalahan jiwa yang ada kaitan dengan faktor bukan fizikal.

Hasil kajian ahli sains terbabit yang berdasarkan hujah logik akal menarik untuk diteliti kerana turut



**BERFAEDAHKAH para ustaz memuat naik video dalam YouTube untuk memberi ceramah kepada lelaki yang mempunyai jiwa cenderung ke arah kewanitaannya? - BANG KUCHAI CHANNEL**

sependapat dengan para ustaz bahawa lelaki yang mempunyai jiwa kewanitaannya perlu kembali menjadi seorang jantan jika tubuh memang seorang pemuda sempurna.

**PELACUR**  
 Dalam pada itu, masalah lelaki berjiwa wanita hanya soal kecil jika dibandingkan dengan satu fenomena lain yang berlaku secara senyap-senyap, ibarat api dalam sekam. Kalau terlambat menanganinya mungkin nasi sudah menjadi bubur. Pihak paling sesuai untuk mengkajinya sudah tentu ahli sains, walaupun para ustaz tidak boleh lepas tangan kerana ia ada kaitan dengan perlakuan tidak bermoral yang ditegah Islam.

Permasalahan itu ada hubung kait dengan pendedahan muka depan *Utusan Malaysia* pada 7 September tahun lalu mengenai kebimbangan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung penularan fahaman liberal yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal

**“Ciri-ciri kewanitaannya didapati semakin hilang terutama pada wajah perempuan terbabit dan kadangkala dari sudut tertentu kelihatan ciri-ciri wajah lelaki semakin dominan.”**

Jamaah.  
 Penyebaran fahaman songsang itu dibuat dalam media sosial seperti Facebook, Twitter, YouTube, WhatsApp dan Telegram. Ada dalam kalangan pengikut fahaman liberal itu mengamalkan budaya seks bebas termasuk tidak kisah teman wanita atau isteri masing-masing bertukar-tukar pasangan untuk melakukan hubungan intim. Fenomena itu ada kaitan dengan satu kes yang kecoh

beberapa tahun lalu mengenai perlakuan seorang lelaki Eropah yang melancong ke negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia untuk melakukan hubungan seks dengan pelacur di negara-negara berkenaan.

Aksi dia bersama-sama pelacur terbabit dirakam dan kemudian dijual menerusi internet untuk mendapat keuntungan. Perkara yang mahu dibangkitkan adalah komen warganet mengenai ciri-ciri persamaan yang terdapat pada pekerja seks yang melakukan hubungan intim dengan ramai lelaki.

Ciri-ciri kewanitaannya didapati semakin hilang terutama pada wajah perempuan terbabit dan kadangkala dari sudut tertentu kelihatan ciri-ciri wajah lelaki semakin dominan. Perkara hampir sama pernah diperkatakan sebelum ini iaitu pasangan suami isteri yang telah lama berkahwin, wajah mereka akan menjadi semakin seiras.

**DNA**  
 Beberapa warganet yang 'berlagak' seperti

ahli sains berkongsi kajian *Fred Hutchinson Cancer Research Center*, Seattle, Amerika Syarikat (AS) pada 2012 mengenai penemuan kromosom Y daripada lelaki atau *microchimerism* dalam 60 peratus otak wanita yang salah satu punca dikatakan daripada sperma ketika melakukan hubungan seks.

Dalam kromosom terdapat molekul panjang asid deoksiribonukleik (DNA) dan di dalamnya pula wujud gen. Terdapat beribu-ribu gen di dalam satu molekul DNA. Gen yang menentukan rupa muka seseorang.

Sebab itu, terdapat satu kaedah unik oleh polis di negara-negara maju untuk mengesan penjenayah dengan hanya menggunakan DNA yang dijelaskan secara mendalam oleh ahli sains dari AS, Tony N. Frudakis dalam buku bertajuk *Molecular Photofitting: Predicting Ancestry and Phenotype Using DNA*.

Teknik digelar DNA *phenotyping* membolehkan polis membuat lakaran wajah suspek tidak dikenali berdasarkan sampel DNA yang diperolehi di tempat kejadian jenayah.

Adakah kewujudan *chimera* (percampuran gen) daripada terlalu ramai lelaki dalam tubuh wanita akan menyebabkan wajah bertukar menjadi mirip jantan? Sebab itulah Islam melarang wanita berkahwin dengan ramai lelaki secara serentak?

Persoalan dilontarkan para warganet adalah bersifat spekulatif yang memerlukan kajian lebih mendalam oleh ahli sains bagi menentukan kesahihannya. Kalau betul dakwaan itu, fahaman liberal akan membawa kesan amat dahsyat kerana boleh mengubah wajah dan mungkin bentuk fizikal wanita menjadi lelaki.

Diharapkan ahli sains yang arif tentang DNA dapat membuat kajian dan memberikan penjelasan agar kita menjadi seperti penonton program *Tanyalah Ustaz* di TV9 dan TV3 yang terkenal dengan slogan *Biar tahu, jangan keliru. Wallahuaklam.*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 7 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Yakin dapat kerjasama pentadbiran negeri
Muka Surat	:	8

### PROJEK ECRL

## Yakin dapat kerjasama pentadbiran negeri

**Putrajaya:** Kementerian Pengangkutan yakin akan mendapat kerjasama dengan pentadbiran di negeri yang dilalui oleh Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) apabila ia kini di-jajarkan semula ke laluan asalnya iaitu Jajaran Utara.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, pihaknya sudah berusaha dengan sebaik mungkin dan mahu bekerjasama dengan semua kerajaan negeri termasuk Selangor.

“Saya yakin, kebanyakan mereka adalah pegawai profesional dan ahli politik.

“Saya sangat yakin menteri besar dan pihak berkuasa negeri akan memberi kerjasama penuh kepada kami,” katanya selepas menyaksikan Majlis Tandatangani Nota Kerajaan antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pengangkutan, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Wee berkata demikian ketika mengulas kenyataan Exco Selangor, Datuk Teng Chang Khim kelmarin bahawa Kerajaan Selangor ti-



DR Adham (dua dari kiri) dan Wee (dua dari kanan) menyaksikan Majlis Tandatangani Nota Kerajaan antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pengangkutan, semalam.

dak akan melakukan perolehan tanah untuk kerajaan Persekutuan jika ia bertegas mahukan Jajaran Utara untuk diteruskan.

Beliau berkata, pihaknya sudah melakukan yang terbaik dan berbincang dengan semua kerajaan negeri terutama Selangor.

Katanya, pihaknya terbabit dengan 37 mesyuarat runtingan bersama 17 agensi di

Selangor selain setiap isu membabitkan alam sekitar dan kesan sosial ditangani oleh kementerian itu.

Justeru, beliau berkata, apa saja keputusan sebalik isu ia adalah bersifat politik.

“Terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan politik ini, tetapi bagi kami lakukan ini untuk kepentingan negara selain menjimatkan wang,” katanya.

Beliau berkata, kelewatan melaksanakan projek berkenaan menyebabkan kerajaan perlu menanggung kerugian sejumlah RM17.25 juta sehari selain projek itu tidak boleh beroperasi sepenuhnya.

Katanya, kelewatan juga akan menyebabkan kesan buruk kepada negara.

“Sebagai kerajaan, kita harus membuat keputusan sekarang,” katanya.



## KERATAN AKHBAR 7 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sajat diminta bincang dengan pihak berkuasa
Muka Surat	:	17

# Sajat diminta bincang dengan pihak berkuasa

**Kuala Lumpur:** Usahawan kosmetik kontroversi, Sajat yang menghilangkan diri susulan waran tangkap dikeluarkan mahkamah terhadapnya disyorkan supaya tampil membuat perbincangan dengan pihak berkuasa agama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri mengesyorkan perkara itu kepada pemilik nama sebenar Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 36, supaya dapat merungkai masalah dan kekeliruan yang timbul.

“Saya syorkan (Sajat) bertemu dengan pihak berkuasa terutama majlis agama begitu juga pejabat agama di Selangor.

“Bincang dengan baik apa yang menjadi masalah dan apa yang menjadi kekeliruan. Dengan cara ini, insya-Allah saya harap perkara (masalah Sajat) ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin,” katanya semalam.

Zulkifli mengulas perkara itu selain memberi nasihat kepada Sajat yang kini dalam buruan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (Jais).

Difahamkan, Sajat dipercayai bersembunyi di Thailand selepas menghilangkan diri susulan waran tangkap dikeluarkan mahkamah.

Usahawan kosmetik yang sering mencetuskan kontroversi itu dikenakan waran tangkap selepas gagal hadir sebutan semula pertuduhan berpakaian wanita di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor.

Muhammad Sajjad mencetuskan kontroversi lagi baru-baru ini apabila memuat naik video mahu keluar daripada Islam selepas menghilangkan diri susulan

waran tangkap dikeluarkan mahkamah terhadapnya berhubung kes dikendalikan Jais mengikut Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor.

Pada 6 Januari lalu, Nur Sajat mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Syarie Mohamad Khalid SHaee @ Shaii.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu dalam majlis bacaan Yasin dan solat hajat, pada jam 7.30 malam, 23 Februari 2018 di premis kecantikannya, Nursajat Beautician, Jalan Serai Wangi G16/G, Seksyen 16, Shah Alam.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 10(a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang memperuntukkan hukuman tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

NUR Sajat





## KERATAN AKHBAR

7 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tunggu SOP MKN
Muka Surat	:	21

# Tunggu SOP MKN

**Sungai Besar:** Kerajaan Selangor masih menunggu prosedur operasi standard (SOP) daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung pengendalian bazar Ramadan di negeri ini.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor (Pengurusan) Datuk Zamani Ahmad Mansor berkata, pengumuman mengenai SOP berkenaan akan diumumkan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dalam tempoh terdekat.

“Buat masa ini, kita *follow* (ikut) SOP bagi pengendalian bazar Ramadan mengikut seperti yang disarankan di peringkat Persekutuan.

“Namun, untuk SOP di peringkat kita (Kerajaan

Selangor), ia mungkin berubah-ubah mengikut keadaan sama ada pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh kawal atau tidak,” katanya selepas Majlis Apresiasi dan Sanjungan Budi 2020, semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, segala SOP daripada MKN akan diperhalusi dan dibincangkan terlebih dahulu sebelum keputusan mengenainya dimuktamadkan.

“Sebenarnya, SOP (pengendalian bazar Ramadan di Selangor) pada masa ini dilaksanakan seperti pengendalian pasar malam.

“Namun, sebarang perubahan akan dimaklumkan,” katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>7 April 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	206,570 jalan berlubang tahun lalu
Muka Surat	:	6

Jangka hayat jalan tidak mampu tampung bilangan kenderaan yang bertambah

## 206,570 jalan berlubang tahun lalu

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**PETALING JAYA** – Sebanyak 206,570 jalan raya berlubang terpaksa diperbaiki oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, sebanyak 168,003 jalan raya berlubang itu dikesan di Semenanjung.

"Sebanyak 38,567 lagi jalan raya berlubang dikesan di Sabah, Sarawak dan Labuan. Dari tahun 2016 sehingga 2020, sebanyak 1,079,449 lubang telah ditampal di Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Sesi Libat Urus Menteri Kanan Kerja Raya Bersama Ketua Editor Media di Kompleks Kerja Raya di sini semalam.

Fadillah berkata, banyak punca jalan raya berlubang antaranya disebabkan jangka hayat sesebuah jalan raya yang hanya



**FADILLAH** berucap pada Sesi Libat Urus Menteri Kanan Kerja Raya bersama Ketua Editor Media di Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur semalam.

kira-kira lima hingga tujuh tahun.

Menurut beliau, struktur jalan raya yang telah melebihi jangka hayat tidak mampu menampung bilangan kenderaan yang semakin bertambah.

Jelas beliau, peruntukan untuk penyelenggaraan jalan raya Kementerian Kerja Raya hanya RM800 juta setahun sedangkan anggaran kos untuk membuat jalan raya baharu jauh lebih besar.

Dalam pada itu, ujar beliau, kerajaan membatalkan rancangan untuk mengambil alih empat lebuhraya di Lembah Klang daripada Gamuda Berhad (Gamuda) melibatkan nilai sebanyak RM6.2 bilion yang ditawarkan pada 2019.

Empat lebuhraya terbabit adalah Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd., Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd. (Sprint), KE-SAS Sdn. Bhd. dan Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. (SMART).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 7 April 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Daftar i-GRED untuk promosi percuma
Muka Surat	:	18



**RASHIDI (tiga dari kanan) mengimbas kod QR sebagai simbolik ketika melancarkan aplikasi i-GRED di Shah Alam semalam.**

## Daftar i-GRED untuk promosi percuma

**SHAH ALAM** – Peniaga yang mendaftar dengan aplikasi Sistem Pemeriksaan Kebersihan Kendiri Premis Makanan Berlesen (i-GRED) berpeluang mendapat promosi percuma di pelbagai platform milik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Pemangku Datuk Bandar MBSA, Mohd. Rashidi Ruslan berkata, pihaknya menjadi pelopor melancarkan aplikasi tersebut yang mengkehendaki peniaga membuat pemeriksaan dan penilaian sendiri berdasarkan maklum balas pelanggan.

“Melalui i-GRED, peniaga perlu mendapatkan maklum balas pengunjung sebagai satu kaedah pemantauan kebersihan premis.

“Setiap bulan, peniaga perlu mendapatkan 30 maklum balas pelanggan sebelum menghantar laporan penilaian kebersihan kepada kami menggunakan aplikasi sama,” katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran i-GRED di Auditorium MBSA semalam.

Tambahnya, sebanyak 200 premis disasarkan akan menggunakan aplikasi itu pada tahun ini di mana mereka hanya perlu mendaftar dengan bayaran RM150 dan boleh membuat penilaian berserta gambar.

“Bagi premis makanan yang mendapat gred A, pihak kami akan mempromosikan premis itu di laman web rasmi, Facebook dan *bill-board* rasmi MBSA,” ujarnya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>7 April 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MOT sedia kerjasama dengan kerajaan negeri
Muka Surat	:	8

# MOT sedia kerjasama dengan kerajaan negeri

Termasuk Selangor bagi Projek ECRL yang kini diijarkan semula ke laluan asal

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**K**ementerian Pengangkutan (MOT) sedia bekerjasama dengan kerajaan negeri termasuk Selangor bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang kini diijarkan semula ke laluan asal iaitu Jajaran Utara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, pihaknya yakin kerjasama baik antara kedua-dua pihak akan diperoleh.

“Saya sangat yakin menteri besar dan pihak berkuasa negeri yang kebanyakannya terdiri daripada pegawai profesional dan ahli



FOTO: BERNAMA

**Ka Siong ketika ditemui pemberita di Putrajaya pada Selasa.**

politik akan memberi kerjasama penuh terhadap projek ini,” katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Menurut Ka Siong, perbincangan telah dijalankan bersama kesemua negeri terlibat.

“Dengan Selangor, sebanyak 37 mesyuarat rundingan dengan 17 agensi telah diadakan,” katanya.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kenyataan Exco Selangor, Datuk Teng

Chang Khim yang menyifatkan kerajaan Persekutuan sebagai pembuli besar.

Selangor dilaporkan tidak akan melakukan perolehan tanah untuk kerajaan Persekutuan jika bertegas mahu laksanakan Jajaran Utara.

Ka Siong berkata, sebarang keputusan yang dibuat Selangor di sebalik isu tersebut adalah bersifat politik.

“Terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan politik ini. Bagi kami, ini untuk kepentingan negara selain menjimatkan wang,” katanya.

Pada Isnin, Ka Siong mengumumkan pelaksanaan semula Jajaran Utara turut memberi kelebihan kepada ECRL menjadi infrastruktur berdaya maju.

Ia bakal menarik 5.03 juta penumpang dan membawa 26.12 juta tan kargo pada tahun pertama operasi.



**Laporan Sinar Harian semalam.**



## KERATAN AKHBAR 7 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Mahasiswa cakna komuniti
Muka Surat	:	23

# Mahasiswa cakna komuniti

Penerapan elemen khidmat masyarakat dalam pendidikan

Oleh HASRIL ABU HASSAN

**I**kuti temu bual bersama Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL), Dr Muhammad Daoh. Beliau sebelum itu bertugas sebagai pensyarah kanan dalam bidang Pendidikan, Pengajian Islam dan Bahasa Arab di UNISEL.

**Boleh Dr kongsi kan serba sedikit latar belakang dan pengalaman sepanjang berkhidmat di UNISEL?**

Setelah berkhidmat selama 14 tahun di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), saya cuba memberi sumbangan pendidikan di tempat baharu iaitu di UNISEL selepas diberitahu ada ruang untuk saya berkongsi pengalaman dalam bidang yang saya ceburi iaitu bidang Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab. Di UNISEL, saya mula berkhidmat di sini sebagai pensyarah kanan dalam bidang Pendidikan, Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Sekarang saya diberi ama-

nah sebagai Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (FPSS) bermula dari tahun 2018 hingga kini.

**Boleh Dr nyatakan program-program yang ditawarkan di fakulti ini dan apakah kelebihan program yang ditawarkan ini?**

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial terdiri daripada empat jabatan iaitu Jabatan Pengajian Awal Kanak-Kanak, Jabatan Pendidikan Bahasa, Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Sains Sosial.

Jabatan Pengajian Kanak-Kanak menawarkan dua program iaitu Program Diploma Pendidikan (Pengajian Pra-Sekolah) dan Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) (Pendidikan Awal Kanak-Kanak). Jabatan Pendidikan Bahasa menawarkan tiga program iaitu Program Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) dan Sarjana Muda Bahasa Inggeris untuk Industri.

Jabatan Pengajian Islam juga menawarkan tiga program iaitu Program Diploma Pendidikan (Pengajian Islam), Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) dan Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) yang baru sahaja ditawarkan kepada pelajar manakala Jabatan Sains Sosial pula menawarkan dua program iaitu Program Diploma Psikologi dan Sarjana Muda Psikologi Industri.

Fakulti juga sedang dalam proses memperkenalkan beberapa program baharu yang diperlukan pasaran kerja semasa seperti Program Pengurusan Tadika dan Program Multi Disiplin yang lain. Rata-rata program yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial merupakan antara program yang mendapat sambutan yang sangat baik daripada masyarakat.

**Berbicara mengenai kebolehsasaran pelajar, boleh Dr kongsi kan sedikit mengenai kejayaan alumni-alumni UNISEL dari FPSS?**

FPSS merupakan salah satu fakulti terbesar di UNISEL. Sememangnya banyak kejayaan dan pencapaian yang telah diperoleh oleh alumninya. Ramai yang berkhidmat di sektor kerajaan, swasta dan yang menjadi usahawan dalam pelbagai bidang.



**Jika kita lihat, bidang pendidikan serta pembangunan sosial masyarakat pada hari ini makin mencabar, apakah strategi yang dilakukan oleh pihak fakulti dalam memastikan graduan yang dihasilkan mampu menyumbang kepada masyarakat?**

FPSS memang sangat menekankan aspek khidmat masyarakat sehingga aspek ini diterapkan dalam kebanyakan kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar. FPSS juga membangunkan kursus-kursus yang bersifat *Service Learning* dan mengandungi elemen khidmat masyarakat. Ini amat penting supaya ia dapat melatih siswa siswi secara langsung bagaimana untuk mendepani masalah-masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat selain membantu melengkapkan diri dalam kerjaya mereka kelak. Tambahan lagi, elemen ini juga dapat memastikan graduan FPSS akan sentiasa cakna tanggungjawab sosial mereka sebagai graduan institusi ilmu yang berperanan untuk menyumbang kepada kebajikan masyarakat. UNISEL melihat perkara ini sebagai agenda utama dalam visi dan misi. Apa guna pembangunan sebuah universiti jika bukan untuk pembangunan insan dan masyarakat. Ini sejajar dengan tuntutan agama sendiri yang mana ditegaskan oleh baginda Rasulullah SAW: "Sebaik-baik manusia ialah mereka yang paling memberi manfaat sesama manusia".

Program khidmat masyarakat yang dianjurkan FPSS saban tahun turut melibatkan pembangunan dalam pendidikan masyarakat setempat seperti program English Camp, Karnival Kanak-Kanak dan Pementasan Teater untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah. FPSS juga terlibat terlibat dengan program-program usaha sama seperti Reading Bus dan International English Camp.

**Di mana bidang pendidikan dan sains sosial dalam tempoh 10 tahun serta apakah cabaran utama dalam bidang ini?**

Jika kita melihat kepada bidang pendidikan dan sains sosial atau kemanusiaan secara amnya, saya berpendapat bidang ini sememangnya tidak akan terpisah daripada kehidupan manusia. Ini kerana pendidikan adalah satu proses yang pasti dan berterusan dalam memastikan kesinambungan umat manusia. Namun, persoalannya ialah bagaimana pendidikan itu dapat menyediakan keperluan yang relevan dan mampu menampung objektif serta matlamat kehidupan manusia itu sendiri. Kita tidak perlu memandang ter-

lalu jauh ke masa akan datang. Lihat saja pada masa sekarang. Jika sistem pendidikan sekarang tidak dapat menjamin masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik, maka boleh dikatakan bahawa bidang pendidikan telah tersasar dan tidak bermakna apa-apa kepada masyarakat. Oleh itu, pengamal pendidikan yang merupakan agen perubahan harus sentiasa peka dan berpandangan jauh dalam menentukan masa depan pendidikan. Kita harus sentiasa bersedia untuk merencanakan penyelidikan terperinci yang bersifat *futuristic* serta menyeluruh terhadap keperluan kemanusiaan yang sering berubah seiring peredaran masa dan teknologi. Semua yang saya ungkapkan di atas adalah selaras dengan tagline UNISEL 'Peneraju Tranformasi dan Membudayakan Kecemerlangan' yang menjadi aspirasi dan inspirasi semua warga universiti yang berdaya saing ini.

**Harapan dan pesanan buat mereka yang berminat untuk melanjutkan pengajian di UNISEL?**

UNISEL amat mengalu-alukan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam membangunkan dan membentuk kecemerlangan institusi pendidikan negeri Selangor ini. Justeru, kami membuka ruang dan peluang seluas-luasnya kepada anak-anak serta manamana individu tidak kira dari dalam atau luar negara untuk melanjutkan pengajian di UNISEL.

UNISEL sebagai universiti milik penuh negeri Selangor menawarkan beberapa biasiswa dan Skim Dermasiswa bukan sahaja kepada anak-anak Selangor malah dilanjutkan juga kepada siswa siswi dari negeri lain yang layak dan memerlukan. Sempena dengan sambutan penubuhannya yang ke-20 tahun, UNISEL akan mengadakan program-program menarik bagi memperkenalkan kampusnya yang damai dan kondusif dengan kemudahan yang pelbagai termasuk kolej kediaman yang dapat menampung seramai 6,000 pelajar pada satu-satu masa serta Pusat Sukan dan Rekreasi yang lengkap dan menarik.

Dalam suasana pandemik Covid-19 yang sedang menular ini, UNISEL terus komited dan konsisten untuk meneruskan agenda kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan segala kemudahan yang telah tersedia dari segi infrastruktur, sumber manusia dan ahli akademik yang terlatih. Kami berpegang teguh kepada hakikat manusiawi bahawa pendidikan mesti diteruskan dan tiada noktah. Oleh itu, rebutlah peluang untuk mendaftarkan anak-anak pada bulan Mac dan April demi kejayaan dan kecemerlangan kita bersama.

**FPSS memang sangat menekankan aspek khidmat masyarakat sehingga aspek ini diterapkan dalam kebanyakan kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar."**



DR MUHAMMAD DAOH



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 7 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Aplikasi i-GRED bantu peniaga pantau kebersihan
Muka Surat	:	24

### Aplikasi i-GRED bantu peniaga pantau kebersihan

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan aplikasi Sistem Pemeriksaan Kebersihan Kendiri Premis Makanan Berlesen (i-GRED) supaya pemilik premis boleh menjalankan pemeriksaan dan penilaian tahap kebersihan serta keselamatan di premis mereka.

Pemangku Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan berkata, pemeriksaan dilakukan secara bersepadu melibatkan tiga pihak

iaitu pengusaha premis makanan, pelanggan atau orang awam dan pegawai pemeriksa MBSA melalui aplikasi itu.

Menurutnya, pengusaha premis makanan perlu mendapatkan maklum balas daripada pengunjung sebagai kaedah pemantauan kebersihan premis.

“Bilangan minimum ialah sebanyak 30 maklum balas bagi sesebuah premis dalam tempoh sebulan.

“Premis perlu menyediakan dan

menghantar laporan penilaian tahap kebersihan setiap bulan kepada MBSA menggunakan aplikasi ini,” katanya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Aplikasi Sistem Pemeriksaan Kebersihan Kendiri Premis Makanan Berlesen (i-GRED) di Wisma MBSA, di sini pada Selasa.

Mohd Rashidi berkata, MBSA menyasarkan sebanyak 200 premis menggunakan aplikasi tersebut dan setakat ini sebahagian pemilik komited menyertai sistem tersebut dan berdaftar dengan MBSA.

Ujarnya, aplikasi tersebut merupakan komitmen berterusan MBSA untuk meningkatkan kesedaran dan ilmu kepada pengusaha premis makanan terhadap aspek kebersihan dan peraturan yang dikuatkuasakan.

“Aplikasi itu juga antara inisiatif untuk menggalakkan pengusaha premis supaya lebih peka dengan kebersihan premis setiap masa dan dapat melaksanakan tindakan penambahbaikan dengan lebih cepat.

“MBSA berharap penggunaan i-GRED dapat meningkatkan tahap kebersihan premis makanan dan penilaian dapat membabitkan pelbagai pihak,” katanya.



FOTO: MBSA

Mohd Rashidi (tiga dari kiri) menghadiri Majlis Pelancaran Aplikasi Sistem Pemeriksaan Kebersihan Kendiri Premis Makanan Berlesen (i-GRED) di Wisma MBSA pada Selasa.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

7 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kerja ganti injap paip sudah dimulakan
Muka Surat	:	24

# Kerja ganti injap paip sudah dimulakan

**SHAH ALAM** - Kerja-kerja penggantian injap paip air mentah di Empangan Klang Gates yang menyebabkan henti tugas sementara di Loji Rawatan Air Bukit Nanas dan Wangsa Maju telah dimulakan mengikut jadual pada jam 9 pagi Selasa.

**GANGGUAN  
BEKALAN AIR**

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menerusi satu kenyataan di Facebook memaklumkan, kerja-kerja penggantian injap itu dijangka siap pada jam 9 malam Selasa.

Menurut kenyataan itu, selepas kerja-kerja berjadual itu siap dilaksanakan, loji dan sistem agihan akan distabilkan sebelum bekalan air mula disalurkan kepada pengguna.

"Kerja-kerja penggantian ini menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di 12 kawasan di Wilayah Gombak dan 46 kawasan di Wilayah Kuala Lumpur bermula 9 pagi Selasa dan dijangka pulih sepenuhnya pada jam 5 pagi Jumaat," kata kenyataan itu pada Selasa.

Sehubungan itu, Air Selangor menggerakkan 29 lori tangki air ke lokasi yang terjejas dengan keutamaan kepada premis-premis kritikal.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>7 April 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tak jejas sokongan The Red Giants
Muka Surat	:	39

# Tak jejas sokongan *The Red Giants*

Oleh ZURAIMEE ZAINAL

Status Selangor FC sebagai antara kuasa besar bola sepak tanah air sejak beberapa dekad lalu tidak akan menjejaskan sokongan padu peminat dan penyokong *The Red Giants* untuk kembali menggamatkan stadium walaupun harga tiket kelab yang berpangkalan di Lembah Klang itu naik sehingga RM30.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Shah Alam, Mohd Sadek Mustafa berkata, 'pemain ke-12' *The Red Giants* seharusnya memahami dan terus memberikan dokongan dalam memastikan Selangor terus memberi tentangan sengit kepada gergasi Liga-M, Johor Darul Ta'zim (JDT).

"Penyokong-penyokong setia kecuali penyokong yang hanya datang menyokong pada perlawanan final Piala FA atau Piala Malaysia, tidak seharusnya mempersoalkan isu-isu survival kelab masing-masing dengan kenaikan harga tiket pada era norma baharu ini.

"Mereka yang menonton perlawanan di stadium perlu mempunyai niat membantu survival kelab pada

masa depan kerana tanpa kenaikan harga tiket secara tidak langsung meletakkan kelab dalam keadaan kerugian, sekali gus mendedahkan kelab kepada tindakan undang-undang dalam isu pembayaran gaji.

"Sekiranya ingin memastikan Selangor tidak tenggelam pada saingan Liga Super penyokong tegar *The Red Giants* perlu hadir ke stadium selepas kebenaran dibenarkan oleh kerajaan.

"Saya berharap penyokong-penyokong yang tulen dapat hadir ke stadium dengan limitasi semasa yang terpaksa diharungi kelab-kelab masing-masing berikutan impak pandemik Covid-19 ini," katanya kepada *Sukan Si-*



MOHD SADEK

nar pada Isnin.

Mohd Sadek berkata demikian ketika mengulas kenaikan harga tiket sebanyak RM30 bagi perlawanan Liga Super melibatkan pertemuan Selangor menentang Kedah di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada Selasa.

Untuk rekod, sebanyak 2,000 tiket dijual pada perlawanan itu.

Mohd Sadek berkata, kenaikan harga tiket kelab saingan Liga-M tidak dapat dielakkan sesuai dengan norma baharu bola sepak negara yang mula menerima kehadiran semula penyokong ke stadium.

Menurutnya, era Covid-19 merupakan cabaran kepada setiap kelab Liga-M dalam menjana semula pendapatan setelah kerajaan memberikan kebenaran kepada penyokong masing-masing kembali semula ke stadium dengan kuota serta pematuan prosedur operasi standard (SOP) ketat.

"Dengan limitasi terhad sebenarnya banyak cabaran kepada kelab Liga-M kerana mereka tidak mempunyai ruang bernafas seperti dulu apatah lagi kelab tidak dapat lari daripada menampung kos luar biasa dengan suasana norma baharu. Kos seperti gaji pemain-pemain yang tidak berkurangan biarpun penonton dibenarkan kembali ke stadium dalam kuota terhad.



**LIGA SUPER**

JADUAL PERLAWANAN

**RABU**

Perak FC *vs* UiTM FC  
(Std Perak, 9 mlm)

PJ City FC *vs* KL City FC  
(Std Petaling Jaya, 9 mlm)

---

**LIGA PREMIER**

JADUAL PERLAWANAN

**RABU**

Selangor 2 *vs* Sarawak Utd  
(Std Selayang, 4.45 ptg)

JDT II *vs* PDRM FC  
(Std Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, 9 mlm)

Skuad Projek FAM-MSN *vs* Kuching City FC  
(Std UiTM, Shah Alam, 9 mlm)

"Aspek penajaan kelab juga berdepan dengan kekangan yang agak besar dalam mendapatkan penaja yang berwibawa. Itu belum lagi dengan penjualan merchandise juga terhad kerana penonton Liga-M adalah dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Harus diingat bahawa kebanyakan penonton Liga-M adalah dalam kalangan kategori B-40, sekiranya mereka yang beli tiket secara online, mereka adalah golongan premium yakni golongan yang mampu membeli tiket pada harga mahal," katanya.

Laporan *Sukan Sinar* pada Selasa.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**6 April 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	350 Murid Tingkatan Satu Terima Tawaran RKP Yayasan Selangor
